



## KENYATAAN MEDIA

---

### **KERJASAMA DAN PERKONGSIAN INFRASTRUKTUR PERKHIDMATAN RANGKAIAN DISAMBUT BAIK**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) mengalu-alukan inisiatif syarikat penyedia perkhidmatan rangkaian dan kemudahan Fiberail Sdn Bhd and edotco Group Sdn Bhd yang telah mengumumkan kerjasama mereka dalam menyediakan perkhidmatan infrastruktur yang neutral-telko.

Inisiatif ini adalah selaras dengan objektif Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) serta akan membantu pelan tindakan yang dinyatakan di bawah NFCP untuk memastikan akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dapat dimanfaatkan oleh rakyat.

Sememangnya perkongsian infrastruktur melalui platform atau perkhidmatan sedia ada seperti ini memberi manfaat kepada pemain-pemain industri dari segi penjimatan kos terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman dan penggunaan sumber dengan lebih cekap.

Saya berharap kerjasama ini boleh menyumbang kepada inisiatif menyediakan perkhidmatan rangkaian yang memberi 100% liputan kepada penduduk di kawasan yang sejajar dengan koridor landasan keretapi serta saluran-saluran lain yang mana Fiberail mempunyai asset-asset fiber.

Saya juga menggalakkan lebih ramai pemain industri untuk mengemukakan cadangan-cadangan dan bekerjasama serta berkongsi infrastruktur mereka dalam penyediaan perkhidmatan rangkaian yang lebih cekap dan kos efektif untuk membantu usaha Kerajaan untuk menjayakan NFCP.

**GOBIND SINGH DEO**

**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**

**26 SEPTEMBER 2019**